

Headline	MBB@LTdL catat nilai jualan lebih RM500,000		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Feb 2020	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	34	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	151 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,691
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,074



MBB@LTdL catat nilai jualan lebih RM500,000

LANGKAWI - Program MyBest Buy (MBB) anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang diadakan sepanjang penganjuran Le Tour de Langkawi (LTdL) 2020 mencatatkan nilai jualan RM531,000 setakat kelmarin.

Pengerusi FAMA, Ishak Ismail berkata, program MBB itu telah diadakan di tujuh lokasi iaitu di Kota Kinabalu, Sabah; Kuching, Sarawak; Kerteh, Terengganu; KLCC; Ipoh, Perak; Padang Kota Lama, Pulau Pinang dan Alor Setar, Kedah.

Beliau berkata, memasuki peringkat kelapan LTdL di pulau peranginan bebas cukai di sini semalam, MBB diadakan di Pekan Kuah bagi mempromosikan produk keluaran tempatan dan sambutan setakat ini amat menggalakkan daripada orang ramai.

“Orang ramai datang bukan sahaja untuk menyaksikan perlumbaan LTdL 2020 yang melibatkan pelumba terkenal dunia malahan mereka ambil kesempatan untuk dapatkan barangan yang dijual lima hingga 20 peratus lebih murah berbanding harga di pasar awam,” katanya ketika ditemui pada Program My Best Buy (MBB) @ Le Tour De Langkawi (LTdL) di sini semalam.

Ishak berkata, sebanyak 18 khemah jualan disediakan di Pekan Kuah sehingga hari ini melibatkan aktiviti jualan terus dari ladang, produk industri asas tani, buah-buahan dan sayur-sayuran, jualan KopieSatu, karavan/kendera saji, Agrobazaar dan Program Jom Kongsi Rezeki dengan kerjasama Yayasan Prihatin Insan.

Beliau berkata, menerusi kerjasama dengan penganjur LTdL 2020, FAMA dapat mempromosikan produk keluaran tempatan, memperluas serta memajukan pasaran baharu bagi hasil pertanian negara melalui rantaian pengiklanan dan promosi program antarabangsa. - *Bernama*